



Rujukan Kami: (03) JKR/DWS/BMS-02/2024

27 Jamadilakhir 1445H
09 Januari 2024M

Kepada Yang Berkenaan,

MAKLUMAN KEPADA PELANGGAN

PENGGANTIAN METER AIR KE METER PINTAR

Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan orang ramai bahawa pada masa ini kerja-kerja penggantian meter air di seluruh Negara ke meter pintar sedang giat dalam pelaksanaan di bawah projek *Unified Smart Metering System (USMS)*. Projek ini dikuatkuasakan bermula 02 Oktober 2022 yang dilaksanakan sepenuhnya oleh Syarikat DST Network Sdn Bhd (DSTN) dan disokong oleh Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya, pembekal utiliti air utama di Negara Brunei Darussalam.

Pihak Jabatan ingin menyeru orang ramai untuk memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak DSTN bagi melicinkan lagi pelaksanaan program penggantian meter-meter air yang sedia ada kepada meter pintar.

Untuk makluman, tiada perubahan kepada tarif air yang sedia ada walaupun dengan penggunaan meter pintar. Baki tunggakan meter air konvensional akan dipindahkan ke meter pintar dalam masa empat minggu (4 minggu) selepas penukaran meter pintar. Pengguna akan menerima notifikasi melalui SMS setelah tunggakan terdahulu dipindahkan ke meter pintar. Manakala baki lebih bayaran bolehlah dipohonkan untuk bayaran balik di Kaunter-Kaunter Perkhidmatan Pelanggan Jabatan Perkhidmatan Air di semua Daerah.

Bersedia Berkhidmat

"Menyatukan Hati, Memenuhi Impian, Mencapai Wawasan 2035"

(Ir. HAJI MOHAMAD BIN HAJI TUAH)

Pemangku Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Air
bp Ketua Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya
Kementerian Pembangunan